Adakah salah seorang antara kamu suka apabila pulang kepada keluarganya, dia mendapati tiga ekor unta bunting yang besar lagi gemuk?

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: "Adakah salah seorang antara kamu suka apabila pulang kepada keluarganya, dia mendapati tiga ekor unta bunting yang besar lagi gemuk?" Kami menjawab: "Ya." Baginda bersabda: "Maka tiga ayat yang dibaca oleh salah seorang antara kamu dalam solatnya adalah lebih baik baginya daripada tiga ekor unta bunting yang besar lagi gemuk."

[صحيح] [رواه مسلم]

Nabi ﷺ menerangkan bahawa ganjaran membaca tiga ayat di dalam solat adalah lebih baik daripada seseorang mendapati di rumahnya tiga ekor unta betina yang bunting, besar lagi gemuk.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65053